



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 78
No. 27

3hb Julai 2025

*TAMBAHAN No. 14
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 20.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUNKAN
KESALAHAN-KESALAHAN) (MAJLIS DAERAH KERIAN)
KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 102(*t*) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Kerian dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaunkan Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kerian) Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Pindaan undang-undang kecil 3

2. Undang-Undang Kecil (Mengkompaunkan Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Daerah Kerian) Kerajaan Tempatan 1982 [*Pk.P.U. 15/1983*] dipinda dalam undang-undang kecil 3 seperti berikut—

- (a) dalam perenggan (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “dua ribu” dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “dua ratus lima puluh” dengan perkataan “satu ribu”;
- (b) dengan menggantikan perenggan (2) dengan perenggan yang berikut:

“(2) Pembayaran wang hendaklah dibuat—

 - (a) secara tunai atau kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank, draf bank atau cek jurubank yang dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”;
 - (b) secara atas talian melalui laman web rasmi Majlis Daerah Kerian; atau
 - (c) melalui apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh Majlis Daerah Kerian dari semasa ke semasa.”; dan
- (c) dengan menggantikan perenggan (3) dengan perenggan yang berikut:

“(3) Bayaran boleh diserahkan sendiri di Pejabat Majlis Daerah Kerian atau mana-mana cawangan tetapi sekiranya dihantar melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian.”

Dibuat 28 April 2025

[M.D.KERIAN.UND 07-04-2016; PU.Pk. 36/76 JLD (IV)]

HELMI BIN YUSOF @ JUSOH
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

Disahkan pada 3 Jun 2025

[PU.Pk. 36/76 JLD (IV)]

MOHD IKRAM BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan